



JABATAN MUFTI NEGERI SELANGOR

A close-up photograph of a person's hands holding a dark green prayer beads (rosary) against a dark background. The hands are clasped around the beads, with fingers interlaced. The lighting is dramatic, highlighting the texture of the hands and the beads.

GARIS PANDUAN DALAM

# AMALAN TARIQAT

GARIS PANDUAN DALAM

# AMALAN TARIQAT

## **Kandungan**

Kata-Kata Aluan

Pendahuluan

Pengertian Tariqat

Kepentingan Tariqat

Ciri Amalan Tariqat Yang Diperakui

Ciri-Ciri Amalan Tariqat Yang Tidak Diperakui

Kesimpulan

## Kata-Kata Aluan

Allhamdulillah saya bersyukur ke hadrat Allah S.W.T. kerana izinNya Majlis Agama Islam Selangor dengan kerjasama Jabatan Mufti Selangor telah berjaya mengeluarkan sebuah buku "Garis Panduan Dalam Amalan Tariqat". Melalui buku ini dapatlah kiranya dijadikan panduan untuk mereka yang hendak beramal dengan amalan tariqat di Negeri Selangor.

Sejak kebelakangan ini terdapat beberapa masalah dalam amalan tariqat tasawwuf berpunca dari guru-guru tariqat yang tidak mempunyai ilmu pengetahuan agama yang cukup. Oleh itu saya berharap bagi setiap umat Islam yang ingin mengamalkan ajaran-ajaran tariqat untuk menghampiri diri dengan Allah hendaklah mencari tariqat-tariqat yang sebenar berpandukan kepada ajaran al-Quran dan al-Sunnah berdasarkan pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah.

Sekian, semoga Allah memberi kita taufik dan hidayah agar kita sentiasa berada di jalan yang benar.

Wassalam,

(DATO' SETIA HAJI MOHD. TAMYES BIN ABD WAHID)  
Dato' Seri Utama Diraja Mufti Selangor.



## **1. Pendahuluan**

Syariat Islam adalah satu syariat yang diwahyukan oleh Allah S.W.T. menerusi Nabi Muhammad S.A.W. untuk disampaikan kepada seluruh manusia. Kebenaran dan kesuciannya sentiasa dipertahankan sejak daripada zaman Rasulullah S.A.W. hingga ke hari akhirat. Adalah menjadi tanggungjawab bersama umat Islam khususnya alim ulama' sebagai pewaris nabi-nabi supaya sentiasa menjaga kebenaran dan kesucian akidah, syariat dan akhlak Islam.

Malaysia adalah sebuah negara yang menjadikan agama Islam sebagai agama rasmi negara dengan demikian agama Islam sentiasa terpelihara kebenaran dan kesuciannya. Walaupun demikian terdapat beberapa golongan tertentu yang cuba mengelirukan kebenaran syariat Islam tersebut dengan membawa dan memperkenalkan kepada masyarakat ajaran-ajaran yang menyeleweng dari akidah, syariat dan akhlak Islam yang sebenar. Oleh itu masyarakat Islam perlu berhati-hati supaya tidak terlibat dengan ajaran yang dipertikaikan kesahehannya.

## **2. Pengertian Tariqat**

“Tariqat” dari bahasa Arab tariqah (jamaknya turuq) yang bererti jalan, mazhab, aliran dan keadaan. Secara umum ia dimaksudkan kepada kumpulan atau kaedah dan peraturan-peraturan tertentu. Mengikut al-Jurjani, tariqat ialah sesuatu yang dapat menyampaikan seorang kepada apa yang dituntutnya. Ulama-ulama tasawwuf menggunakan istilah ini selain dari istilah-istilah al- manhaj, al-qurbah dan al- suluk untuk menerangkan mushahadah atau menyaksikan Allah iaitu menemui Hakikat Allah.

Dr. Abu al-'Ala' Afifi menyimpulkan tariqat adalah satu uslub khusus yang dihayati oleh seorang sufi di bawah naungan jema'ah sufi mengikut arahan dari seorang ketua ataupun syeikh yang merupakan suatu kumpulan pengajaran, adab dan cara hidup yang ditentukan oleh sesuatu jema'ah itu. Bagaimanapun, tariqat juga dalam pengertiannya yang umum ialah satu kehidupan kerohanian yang dihayati oleh orang yang menjalani hidup menuju keredaan Allah (salik), sama ada ia berada dalam golongan tariqat tasawwuf yang dibimbingi oleh seorang syeikh ataupun sebaliknya.

Manakala tariqat dalam pengertiannya yang khusus ialah jalan dan petunjuk untuk melakukan sesuatu ibadat sesuai dengan ajaran yang ditentukan dan dicontohi oleh Nabi S.A.W. dan diamalkan oleh para sahabat dan tabi'iin, turun-temurun sampai kepada guru-guru berterusan tiada putus-putus. Guru yang memberi petunjuk dan pimpinan ini dinamakan syeikh atau mursyid yang mengajar atau memimpin murid-muridnya sesudah mendapat ijazah dari gurunya sebagaimana tersebut dalam silsilah. Dengan demikian ahli-ahli tasawwuf yakin bahawa peraturan yang tersebut dalam ilmu syari'at dapat

dikerjakan sebaik-baiknya. Semua bimbingan guru itu dinamakan tariqah secara minimumnya, tetapi jika pelaksanaan ibadat itu berbekas kepada jiwanya, pelaksanaan itu secara maksimum dinamakan haqiqat. Tujuan terakhir daripada semua pelaksanaan ibadat itu mengenal Tuhan sebaik-baiknya. Dalam istilah tasawwuf dinamakan ma'rifah.

Pokok dari semua tariqat atau dasarnya ada lima:

**Pertama**, mempelajari ilmu pengetahuan yang bersangkut dengan pelaksanaan semua perintah.

**Kedua**, mendampingi guru-guru dan teman-teman setaraf untuk melihat bagaimana cara melakukan suatu 'ibadat'.

**Ketiga**, meninggalkan segala rukhsah dan ta'wil untuk menjaga dan memelihara kesempumaan amal.

**Keempat**, menjaga dan menggunakan waktu serta mengisinya dengan ibadah-ibadah sunat, wirid-wirid dan doa untuk menebalkan khusy' dan khudhu'.

**Kelima**, mengekang diri jangan sampai keluar melakukan kehendak hawa nafsu supaya diri terjaga daripada dosa dan kesalahan.

### 3. Kepentingan Tariqat

Tariqat yang benar dari tasawwuf yang betul adalah penting dalam Islam dari segi ianya berupaya mengubati dan menyembuhkan manusia dari penyakit kemunafikan dan untuk menjadikan dirinya sempurna (*insan kamil*) kerana hanya dengan mencapai taraf kesempurnaan diri yang sebenarnya, seseorang itu menjadi suci. Manusia mengaku percaya kepada Allah yang Maha Esa tetapi pada hakikatnya mereka hidup dan bertindak seolah-olah Allah itu berbilang-bilang. Yang demikian mereka mengidap penyakit yang asasi iaitu syirk (*syirk*), suatu penyakit nifaq yang kerananya pada suatu taraf mereka menyatakan sesuatu, tetapi pada taraf yang lain mereka bertindak mengikut prinsip yang lain pula.

### 4. Ciri-ciri Amalan Tariqat Yang Diperakui

4.1 Amalan tersebut hendaklah diasaskan dengan kekuatan ilmu mengenai aqidah, syariah dan akhlak.

- 4.2 Tidak menganggap martabat dirinya lebih tinggi dan amalannya lebih suci daripada orang yang tidak mengikut ajaran tariqatnya.
- 4.3 Zikir yang diamalkan mempunyai sandaran dari al-Quran, hadis, amalan para sahabat dan salafussoleh.
- 4.4 Memperbanyakkan zikir dengan penuh keikhlasan.
- 4.5 Tidak berzikir sampai keperingkat lupakan diri.
- 4.6 Bersifat warak dengan menjaga halal-haram, syubhah dan sia-sia secara istiqamah termasuk amar makruf dan nahi mungkar.
- 4.7 Tidak menambah lafadz syahadah.
- 4.8 Sentiasa membersihkan jiwa dengan menjauhi sifat-sifat tercela (*mazmumah*) dan mengamalkan sifat-sifat terpuji (*mahmudah*).
- 4.9 Cara amalan mengikut salasilah asal mengikut sunnah yang bertepatan dengan aqidah, syariah dan akhlak.
- 4.10 Mendapat bimbingan dari guru yang mempunyai ciri-ciri berikut;
- Berilmu dan sedia menyampaikan ilmu secara terbuka
  - Berakh�ak mulia dan warak
  - Ahli ibadah yang berwibawa (*thiqah*)
  - Tidak mewajibkan sebarang bayaran
  - Tidak mengikat pelajar menuntut di tempat lain
- 4.11 Dalam beramal tidak meninggalkan tuntutan syariah walau di peringkat ketinggian (*maqam*) mana sekalipun. Kerana ia bertentangan dengan amalan Rasulullah, seorang manusia yang paling tinggi darjatnya.

## 5. Ciri-Ciri Amalan Yang Tidak Diperakui

- 5.1 Ada perjanjian ataupun sumpah mengenai sesuatu yang mengikat minda sedangkan ia bertentangan dengan syara'.
- 5.2 Mubaya'ah dengan orang yang nyata amalan dan kefahamannya tidak menepati hukum syara'.
- 5.3 Bercelaru dalam mengamalkan tuntutan syariah
- 5.4 Mengiktiqadkan zikir, wirid dan doa yang diamalkan boleh menghasilkan sesuatu yang dihajati.

- 5.5 Menggambarkan wajah guru atau membayangkan di dalam hati rupa Guru Mursyid semasa berzikir atau beramal ibadah dengan tujuan untuk menambahkan lagi khusyuk di dalam ibadah kepada Allah S.W.T. dikenali sebagai Rabitah melalui Guru Mursyid.
- 5.6. Kepercayaan bertawassul dimana murid akan meyakini bahawa tiada orang lain yang dapat menyampaikan segala ibadahnya kepada Allah kecuali melalui guru mursyidnya, sedangkan dalam ajaran Islam hubungan seseorang hamba dengan Allah S.W.T. tidak ada perantaraan. Oleh yang demikian, bagi mereka yang menganggap bahawa wasilah tanpa guru mursyid amalannya tidak akan diterima oleh Allah S.W.T. adalah satu fahaman (kepercayaan) yang boleh menyebabkan amalan syirik terhadap Allah S.W.T.
- 5.7 Konsep Nur “Frequensi Tidak Terhingga” konsep nur ini adalah satu perkara baru yang mendakwa bahawa perhubungan Allah dengan Nabi Muhammad S.A.W. adalah melalui nur dan nur itu bersambung kepada guru tariqat ini, hanya guru tariqat ini sahaja yang mempunyai perhubungan dengan Allah. Mengikutnya sesiapa yang ingin berhubung dengan Allah dan mahu amal ibadahnya sampai kepada Allah mestilah berguru dengannya, beliau juga mengistilahkan Nur Muhammad itu negatif dan Nur Allah itu positif, dengan berpandukan kepada ayat 35 surah An-Nur yang diertikan:

*“Nur Allah berdamping dengan Nur Muhammad, Allah menunjukkan sesiapa yang dikehendakiNya kepada Nur yang itu”*

- 5.8 Tiada jaminan masuk syurga tanpa frequensi tiada terhingga. Ada kepercayaan dalam aliran tertentu bahawa gurunya telah membuat pengakuan, untuk sampai kepada Allah harus memiliki frequensi (hubungan langsung secara berterusan dengan guru) yang tidak terhingga barulah manusia dapat berkomunikasi dengan Allah S.W.T. Tegasnya tanpa frequensi tidak terhingga tiada jaminan masuk syurga.
- 5.9 Ada guru Tariqat telah mentafsirkan beberapa ayat al-Quran mengikut fikiran dan fahamannya sendiri dengan tidak berpandukan kepada kitab-kitab tafsir yang muktabar di sisi Ahli Sunnah wal Jamaah. Diantara ayat al-Quran itu ialah seperti ayat 35 surah an-Nur . Diertikan seperti berikut:

*“Nur Allah berdampingan dengan Nur Muhammad, itulah diberikannya kepada manusia yang dikehendaki”*

- 5.10 Kepercayaan roh mereka yang tidak memperolehi nur berterbangan entah ke mana.

Pendapat ini memberi erti bahawa orang yang tidak memasuki tariqat ini apabila mati rohnya nanti akan berkeliaran ke mana-mana atau hancur dan tidak akan sampai kepada Allah. Ini kerana mereka tidak memiliki nur Allah di dalam dirinya, orang ramai tidak akan memperolehi nur itu jika tidak dituangkan

oleh guru mursyid kerana orang yang ingin memiliki nur harus mengikut amalan tariqat.

5.11 Ada guru tariqat membuat pengakuan bahawa melalui amalan zikrullah dapat mengagalkan kedatangan hari Qiamat dengan menyelewengkan maksud hadis riwayat Muslim seperti berikut :

*“Tidak akan datang Qiamat, kecuali kalau tidak ada lagi orang menyebut Allah, Allah, Allah,”*

5.12 Guru Mursyid boleh memberi syafaat pada hari Akhirat. Kenyataan ini sangat meragukan seolah-olah guru mursyid sahaja yang dapat memberi syafaat di akhirat. Pada hal dalam ajaran Islam masaalah syafaat ini Allah kurniakan kepada rasul-rasul, nabi-nabi a.s. dan para aulia'nya. Ertinya syafaat itu satu kurniaan Allah bukan ditentukan kepada orang tertentu sahaja. Dalam kenyataan guru tariqat ini ia menunjukkan seolah-olah beliau sahaja yang dapat memberi syafaat kerana beliau sebagai guru mursyid.

## 6. Kesimpulan

Berdasarkan pengakuan-pengakuan serta amalan-amalan yang terdapat di dalam tariqat tersebut dapatlah diambil kesimpulan seperti berikut:

Amalan dan kepercayaan di dalam tariqat ini adalah berkisar pada huraian materialisme yang sengaja dihuraikan mengikut kacamata ilmu fizikal ekzektra (berlaku secara pasti). Tafsiran sedemikian terhadap konsep nur yang terdapat di dalam tariqat tersebut adalah semata-mata satu pendekatan yang bertentangan dan bercanggah dengan ajaran Islam sebenar.

Kepercayaan yang disebutkan di atas akan merosakkan pegangan aqidah dan penghidupan masyarakat Islam, kerana mereka akan dibawa kepada kepercayaan-kepercayaan yang luar daripada ajaran Islam yang sebenar.

Orang-orang Islam yang terpengaruh dengan kepercayaan yang disebutkan tersebut boleh menjadi sesat. Oleh itu semestinya mereka kembali bertaubat kepada Allah untuk membersihkan semula aqidah kepercayaan.

Bagi setiap umat Islam yang ingin mengamalkan ajaran-ajaran tariqat dengan tujuan untuk menghampirkan diri dengan Allah hendaklah mencari tariqat-tariqat yang sebenar yang berpandukan kepada ajaran al- Quran dan al- Sunnah yang menjadi pegangan Ahli Sunnah wal Jamaah di samping mendapatkannya dari guru-guru yang alim dan terkenal dalam bidang keagamaan.

# JABATAN MUFTI NEGERI SELANGOR



Diterbitkan Oleh

**JABATAN MUFTI NEGERI SELANGOR**

Tingkat 7 & 8, Menara Utara  
Bangunan Sultan Idris Shah  
Persiaran Masjid 40000 Shah Alam,  
Selangor Darul Ehsan.  
Telefon : 03-5514 3738  
Fax : 03-5519 7584  
E-mail : mufti\_sel@selangor.gov.my  
Web : www.muftiselangor.gov.my